

PENDAFTARAN PELAJAR PASCASISWAZAH UMS BERJALAN LANCAR

Oleh Salbinous Saribun



Seramai 342 pelajar pascasiswazah Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah mendaftar bagi sesi pengajian Semester 2 2009/2010. Sesi pendaftaran yang berlangsung selama dua hari bermula pada 09-10 Januari itu telah diadakan bertempat di Dewan Kuliah Perdana A2.

Menurut Dekan Pusat Pengajian Pascasiswazah UMS, Prof. Madya Datin Dr. Mariam Abdul Latip, daripada jumlah keseluruhan pelajar yang mendaftar, 290 orang daripadanya adalah pelajar Sarjana manakala selebihnya pelajar yang mendaftar dalam Sarjana Doktor Falsafah (PhD).

Tambah beliau, seramai 10 orang pelajar antarabangsa turut mendaftar bagi meneruskan pengajian mereka dalam Semester 2 ini. Pelajar-pelajar tersebut meliputi pelajar yang berasal dari negara Pakistan, Malawi, Thailand, Jepun, Libya, Indonesia dan Brunei.

Katanya, sesi pendaftaran telah berjalan lancar mengikut jadual yang ditetapkan. "Rata-rata semua pelajar yang mendaftar ceria dan tidak sabar untuk memulakan sesi kuliah pada semester ini. Semua mereka menunjukkan semangat yang berkobar-kobar dan sangat

seronok untuk meneruskan pengajian mereka," ujarnya lagi.

Dr. Mariam menambah, para pelajar juga turut mengikuti Kursus Metodologi selama lima hari.

